

PELUANG KERJAJAYA



Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut:

- ✓ Keterampilan yang baik;
- ✓ Semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan;
- ✓ Bakat kepimpinan;
- ✓ Ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan
- ✓ Kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.



**KUMPULAN
PENGURUSAN
DAN
PROFESIONAL**



**PENGUASA KASTAM
GRED WK41**

**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
(KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA)**

Kekosongan : 69

Simpanan : 200

1. Syarat Lantikan:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) memiliki:
 - (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (iii) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (iv) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (v) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
 - (vi) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
 - (vii) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.

2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Syarat Peningkatan Secara Lantikan:

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Penguasa Kastam adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penguasa Kastam Gred WK41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

4. Keperluan Bidang (Ditetapkan oleh Jabatan)

- | | |
|---|---|
| (1) <i>Accounting and Financial Management and Economics;</i> | (19) Kewangan; |
| (2) <i>Accounting and Business;</i> | (20) Komunikasi – Pengurusan Komunikasi dan Polisi; |
| (3) <i>Accounting and Management Control;</i> | (21) <i>Mathematics and Statistics;</i> |
| (4) <i>Actuarial Mathematics and Statistics;</i> | (22) Multimedia dan Komunikasi; |
| (5) <i>Business Information Technology with Accounting;</i> | (23) Penguatkuasaan Undang-Undang (Penyiasatan); |
| (6) <i>Computerised Accountancy;</i> | (24) Perakaunan; |
| (7) <i>Economics and Business;</i> | (25) Perakaunan (Sistem Maklumat); |
| (8) Ekonomi (Statistik); | (26) Percukaian; |
| (9) Ekonomi dan Kewangan; | (27) Sains Sosial (Hubungan Antarabangsa); |
| (10) Ekonomi dengan Perakaunan; | (28) Sistem dan Pengurusan Maklumat; |
| (11) Forensik Komputer; | (29) Sistem Komputer Dan Komunikasi; |
| (12) Kejuruteraan (Kejuruteraan Kimia); | (30) Statistik; |
| (13) Kejuruteraan (Sistem Komputer dan Komunikasi); | (31) Statistik Ekonomi; |
| (14) Kejuruteraan Bahan/ Material; | (32) Undang–Undang; |
| (15) Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Komunikasi; | (33) Undang–Undang dan Perdagangan; atau |
| (16) Kejuruteraan Kimia; | (34) Undang–Undang dan Perniagaan. |
| (17) Kejuruteraan Mekanik dan Bahan; | |
| (18) Kepolisian dan Penyiasatan; | |

5. Keperluan Tambahan:

Hanya calon yang telah memperoleh kelayakan kelulusan ijazah sarjana muda yang telah diiktiraf oleh Senat Universiti/ Jawatankuasa berkaitan pada atau sebelum tarikh tutup iklan permohonan jawatan ini serta Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan dan Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia layak memohon selaras dengan syarat skim perkhidmatan.

6. Maklumat Syarat Lantikan:

Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :
<https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/ijazah-sarjana-phd/penguasa-kastam-gred-wk41>

Calon yang berminat dan memenuhi syarat yang ditetapkan boleh mengemukakan/ mengemas kini permohonan secara dalam talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9): <https://spa9.spa.gov.my>. Tarikh tutup permohonan bagi jawatan ini adalah pada **11 April 2021 (Ahad), jam 11.59 malam.**

MOHONLAH SECARA ONLINE DI



<https://spa9.spa.gov.my/>



SPAMalaysia.gov



SPAMalaysia_gov



spa.malaysia



SPAJPM